

**PNM Minta Penerbit Patuhi Akta, Serah Lima Naskhah Bagi Setiap Judul Diterbitkan
Bernama
16 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) meminta penerbit bahan bacaan di negara ini mematuhi peruntukan yang mengkehendaki mereka menyerahkan lima naskhah bagi setiap judul baru kepada PNM.

Ketua Pengarahnya Datuk Raslin Abu Bakar berkata ramai penerbit tidak sedar tentang kewujudan peruntukan tersebut yang termaktub di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986.

Pada masa ini dianggarkan 17,000 judul diterbitkan setahun berdasarkan judul yang diterima oleh PNM, namun angka itu adalah lebih tinggi jika dilihat pada permohonan mendapatkan 'International Standard Book Number' (ISBN), katanya kepada pemberita, di sini pada Isnin.

Sehubungan itu, Raslin yang ditemui selepas perasmian Wacana Penulisan dan Penerbitan Bahasa Melayu, berkata PNM akan meningkatkan promosi bagi menyedarkan penerbit berhubung peruntukan undang-undang tersebut.

PNM katanya menyasarkan untuk menerima 28,000 judul baru setiap tahun menjelang 2015 sebagai tambahan kepada 60,885 yang ada sekarang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659297>